



FOOTBALL ASSOCIATION *of*  
**BRUNEI DARUSSALAM**

# **UNDANG-UNDANG KEJOHANAN**

**2023**

# INDEKS

		<b>MUKA SURAT</b>
1	KEJOHANAN	3-6
2	PUSINGAN KELAYAKAN LIGA SUPER BRUNEI 2023	7-8
3	LIGA SUPER BRUNEI 2023	9-12
4	PIALA REMAJA BAWAH 15 & 20 TAHUN	13-18
5	JADUAL PERTANDINGAN	19
6	PENGADIL	19
7	JERSI PEMAIN	20
8	PAS BADAN	21
9	PENGGANTUNGAN	21
10	BALLBOY DAN STRETCHER	21
11	BANTAHAN	22
11	PEMINDAHAN JENDELA	22
12	PERLAWANAN DIBATALKAN	23
13	GANGGUAN PERLAWANAN	24
14	KEPUTUSAN DAN PINDAAN	25

## **KEJOHANAN**

1. Kejohanan Liga-liga yan dikendalikan oleh Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) adalah seperti berikut:-
  - 1.1. Pusingan Kelayakan Liga Super Brunei 2023
  - 1.2. Liga Super Brunei 2023
  - 1.3. Kejohanan Piala Remaja Bawah 15 Tahun
  - 1.4. Kejohanan Piala Remaja Bawah 20 Tahun
  
2. Setiap Kelab/akademi yang mengikuti mana-mana kejohanan yang disebutkan di atas perlu membayar pendaftaran kejohanan tidak lewat dua (2) minggu sebelum Kejohanan dimulakan.
  - 2.1. Mana-mana kelab/akademi yang sudah mengesahkan penyertaan mereka dan memutuskan untuk menarik diri daripada kejohanan dengan sebarang alasan-alasan yang tidak munasabah maka tindakan disiplin akan diambil dengan denda tidak kurang daripada BND 2,000.00.
  
  - 2.2. Pembayaran yuran kejohanan adalah seperti berikut:-
    - 2.2.1. Liga Super Brunei 2023 – BND 500.00
    - 2.2.2. Piala Remaja Bawah 15 tahun – BND 100.00
    - 2.2.3. Piala Remaja Bawah 20 Tahun – BND 100.00

## **PENGEMASKINIAN UNDANG-UNDANG AM**

- 1.1. Pendaftaran:
  - 1.1.1. Setiap kelab perlu mengisikan borang pendaftaran pegawai dan pemain dengan disahkan oleh FABD.
  
  - 1.1.2. Setiap kelab dibenarkan untuk mendaftar maksimum 30 pemain dan 10 orang pegawai.
  
  - 1.1.3. Setiap kelab dibenarkan untuk mendaftar 4 orang pemain luar yang mana 3 orang daripada nya luar daripada Asia dan seorang daripada Asia.
  
  - 1.1.4. Pemain yang memakai kad pengenalan berwarna hijau adalah dikira sebagai pemain luar.

1.1.5. Nombor jersi adalah daripada No. 1 hingga 30 sahaja dibenarkan  
Jersi No. 1 adalah khas untuk Penjaga gol sahaja.

1.1.6. Setiap kelab DIMESTIKAN mendaftar tiga (3) orang penjaga gol

1.1.7. Ketua Jurulatih dan pembantu Jurulatih perlu mendaftar ke  
Persatuan Jurulatih Bolasepak Brunei Darussalam (BDAFC).

## 1.2. Lesen Kejurulatihan:

	Pusingan Kelayakan, Liga Super Brunei 2023	Liga Super Brunei 2023	Liga Pembangunan 2023
Ketua Jurulatih	B	A	B
Pembantu Jurulatih	C	B	C
Jurulatih Penjaga Gol	C	Level 1	C

Pengecualian hanya akan diberikan setelah menerima permohonan  
pengecualian bertulis dan dibenarkan daripada pihak FABD.

## 1.3. Pengesahan Kesihatan:

1.3.1. Setiap kelab perlu menghantar keputusan kesihatan 1 minggu  
sebelum kejohanan bermula.

1.3.2. Pemain-pemain berumur 35 tahun ke atas tidak akan dibenarkan  
bermain (disenarai hitamkan) selagi belum memberikan pengesahan  
kesihatan (fit to play) dan disahkan oleh FABD.

## 1.4. Pemain berumur 21 tahun ke bawah:

1.4.1. Satu (1) orang pemain berumur 21 tahun ke bawah dimestikan untuk  
bermain sepanjang masa perlawanan dan jika perlu penggantian  
terhadap pemain-pemain berkenaan, pemain gantian juga mesti  
berumur 21 tahun ke bawah.

1.4.2. Minima pendaftaran pemain berumur 21 tahun ke bawah dalam  
setiap perlawanan adalah seramai dua (2) orang pemain (1 orang  
pemain dalam kesebelasan utama dan 1 orang pemain simpanan)

- 1.4.3. Penambahan peraturan pemain berumur 21 tahun ke bawah adalah untuk membantu pasukan kebangsaan negara Brunei Darussalam dalam membangun dan membina tangga peluang bermain bagi pemain-pemain berkenaan.

## **2. PENDAFTARAN PEGAWAI**

- 2.1. Setiap kelab dibenarkan untuk mendaftar maksimum 10 orang pegawai sahaja dan seramai 7 orang dibenarkan duduk di bangku simpanan
- 2.2. Tiga (3) pegawai yang Dimestikan untuk didaftarkan adalah seperti berikut:-
  - 2.2.1. Pengurus Kelab
  - 2.2.2. Ketua Jurulatih
  - 2.2.3. Pegawai Perubatan
- 2.3. Manakala selebihnya didaftarkan sebagai:-
  - 2.3.1. Penolong Jurulatih
  - 2.3.2. Jurulatih penjaga Gol
  - 2.3.3. Jurulatih kecergasan
  - 2.3.4. Doktor
  - 2.3.5. Ahli fisioterapi
  - 2.3.6. Jurubahasa
  - 2.3.7. Analisis Video
  - 2.3.8. Pengarah teknikal
  - 2.3.9. Pengurus Peralatan
- 2.4. Bagi mana-mana pasukan yang mengambil bahagian yang gagal memenuhi mana-mana kriteria yang telah ditetapkan akan diberi surat amaran dan jika gagal berbuat demikian, tindakan tatatertib akan diambil.
- 2.5. Mana-mana pegawai pasukan yang diarahkan meninggalkan bangku simpanan oleh Pengadil semasa perlawanan tidak dibenarkan berada di bangku simpanan untuk perlawanan dan akan dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib & Etika FABD untuk tindakan selanjutnya dengan denda dikenakan tidak kurang daripada \$50.00.
- 2.6. FABD tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang insiden atau kecederaan pemain termasuk pegawai semasa kejohanan.

- 2.7. Pegawai dan pemain hendaklah bertanggungjawab ke atas barang-barang persendirian dan kebersihan perkarangan sebelum, semasa dan selepas perlawanan diadakan. Jika mana-mana pasukan didapati merosakkan harta benda, mereka akan membayar balik kerosakan yang berlaku dan kes akan dibawa ke Jawatankuasa Tatatertib dan Etika untuk tindakan selanjutnya dengan denda tidak kurang daripada \$100.00.
- 2.8. Merokok dan penggunaan sebarang rokok elektronik ketika berada dalam prasarana perlawanan akan dikenakan denda sebanyak \$200.00.
- 2.9. Ketika perlawanan, pasukan rasmi mesti memakai pakaian yang sesuai dan kasut mesti dipakai. Jika mana-mana pegawai gagal mematuhi peraturan ini, mereka akan diarahkan meninggalkan bangku simpanan.

# PUSINGAN KELAYAKAN, LIGA SUPER BRUNEI 2023

## 1. PENTADBIRAN KEJOHANAN

- 1.1. Kejohanan berikut terdiri daripada empat (4) pasukan yang telah dicalonkan oleh Persatuan Bola Sepak daerah-daerah dibawah naungan FABD.
- 1.2. Persatuan Daerah-daerah adalah seperti berikut:-
  - 1.2.1. Pertubuhan Bola sepak Daerah Brunei & Muara – 1 Pasukan
  - 1.2.2. Persatuan Bola sepak Amatur Daerah Tutong – 1 Pasukan
  - 1.2.3. Pertubuhan Bola sepak Daerah Belait – 1 Pasukan
  - 1.2.4. Persatuan Bola sepak Amatur Daerah Temburong – 1 Pasukan

## 2. FORMAT PERLAWANAN

- 1.1. Pada akhir setiap perlawanan
  - 1.1.1. 3 Mata akan diberikan untuk kemenangan
  - 1.1.2. 1 mata untuk seri, dan;
  - 1.1.3. 0 mata untuk kalah
- 1.2. Penentuan Kelab teratas atau pemenang iaitu setelah tamat semua perlawanan peringkat liga hendaklah mengikuti susunan carta seperti berikut:
  - 1.2.1. Kelab yang mendapat mata yang tertinggi, jika masih sama, ditentukan oleh;
  - 1.2.2. Kelab yang mempunyai perbezaan gol terbanyak, jika masih sama, ditentukan oleh;
  - 1.2.3. Kelab yang mempunyai jumlah jaringan gol terbanyak jika masih sama, ditentukan oleh;
    - 1.2.3.1. Kelab yang mendapat jumlah mata yang terbanyak di antara kelab-kelab terlibat (Head to Head), jika masih sama, ditentukan oleh;
    - 1.2.3.2. Kelab yang mempunyai perbezaan gol yang terbanyak di antara kelab-kelab jika masih sama, ditentukan oleh;

- 1.2.3.3. Kelab yang mempunyai jumlah jaringan gol yang terbanyak di antara kelab-kelab terlibat, jika masih sama, ditentukan oleh;
- 1.2.3.4. FABD tertakluk kepada kelulusan Ahli Jawatankuasa Pertandingan dimana keputusannya adalah Muktamad.

- 2.1. Kelab yang memenangi menduduki tempat teratas akan layak bermain dalam Liga Super Brunei musim 2023.

### **3. MASA PERLAWANAN**

- 3.1. Waktu bermula perlawanan adalah seperti dicatat di dalam Jadual Pertandingan rasmi serta mematuhi Kira Detik Perlawanan (Official Countdown).
- 3.2. Masa perlawanan ialah 45 minit bagi separuh masa pertama dan 45 minit bagi separuh masa kedua. Rehat pada separuh masa hendaklah tidak melebihi 15 minit dari wisel ke wisel.

### **4. PENGGANTIAN PEMAIN**

- 4.1. Penggantian pemain adalah sebanyak 5 orang di dalam setiap perlawanan dan 3 peluang sahaja.
- 4.2. Pemain yang telah diganti tidak boleh menyertai semula permainan termasuk untuk membuat sepakan dari tanda penalti.

### **5. WAKTU BERMULA PERLAWANAN**

- 5.1. Waktu bermula sesuatu perlawanan adalah seperti yang tercatat di dalam jadual pertandingan rasmi dan hanya boleh dipinda dengan kelulusan FABD.



## LIGA SUPER BRUNEI 2023

### 2. PENTADBIRAN KEJOHANAN

- 2.1. Kejohanan berikut terdiri daripada 16 Kelab dibawah naungan FABD.
- 2.2. Setiap kelab wajib mengikuti Perlesenan Kelab AFC dan Perlesenan Kelab Kebangsaan bagi musim 2022/2023.

### 3. FORMAT PERTANDINGAN

- 3.1. Format pertandingan ditetapkan oleh FABD dan akan dimaklumkan kepada Kelab-kelab sebelum kejohanan bermula dan semua kelab hendaklah mematuhiinya. Sebarang pindaan terhadap format pertandingan adalah tertakluk kepada keputusan FABD.
- 3.2. Pada akhir setiap perlawanan
  - 3.2.1. 3 Mata akan diberikan untuk kemenangan
  - 3.2.2. 1 mata untuk seri, dan;
  - 3.2.3. 0 mata untuk kalah
- 3.3. Penentuan Kelab teratas atau pemenang iaitu setelah tamat semua perlawanan peringkat liga hendaklah mengikuti susunan carta seperti berikut:
  - 3.3.1. Kelab yang mendapat mata yang tertinggi, jika masih sama, ditentukan oleh;
  - 3.3.2. Kelab yang mempunyai perbezaan gol terbanyak, jika masih sama, ditentukan oleh;
  - 3.3.3. Kelab yang mempunyai jumlah jaringan gol tebanyak jika masih sama, ditentukan oleh;
    - 3.3.3.1. Kelab yang mendapat jumlah mata yang terbanyak di antara kelab-kelab terlibat (Head to Head), jika masih sama, ditentukan oleh;
    - 3.3.3.2. Kelab yang mempunyai perbezaan gol yang terbanyak di antara kelab-kelab jika masih sama, ditentukan oleh;

- 3.3.3.3. Kelab yang mempunyai jumlah jaringan gol yang terbanyak di antara kelab-kelab terlibat, jika masih sama, ditentukan oleh;
- 3.3.3.4. FABD tertakluk kepada kelulusan Ahli Jawatankuasa Pertandingan dimana keputusannya adalah Muktamad.

#### **4. MASA PERLAWANAN**

- 4.1. Waktu bermula perlawanan adalah seperti dinyatakan di dalam Jadual Pertandingan rasmi serta mematuhi Kira Detik Perlawanan (Official Countdown).
- 4.2. Kelab yang didapati gagal mematuhi Kira Detik Perlawanan dan/atau menyebabkan sepak mula tergendala akan diberikan amaran dan jika berlarutan akan dikenakan denda sebanyak \$100.00.
- 4.3. Masa perlawanan ialah 45 minit bagi separuh masa pertama dan 45 minit bagi separuh masa kedua. Rehat pada separuh masa hendaklah tidak melebihi 15 minit daripada wisel ke wisel.

#### **5. PENGGANTIAN PEMAIN**

- 5.1. Penggantian pemain adalah sebanyak 5 orang di dalam setiap perlawanan melalui tiga (3) peluang penggantian sahaja.
- 5.2. Pemain yang telah diganti tidak boleh menyertai semula permainan termasuk untuk membuat sepakan dari tanda penalti.

#### **6. WAKTU BERMULA PERLAWANAN**

- 6.1. Waktu bermula sesuatu perlawanan adalah seperti yang tercatat di dalam jadual pertandingan rasmi dan hanya boleh dipinda dengan kelulusan FABD.

## 7. KELAYAKAN PEGAWAI

Bil	Jawatan	kelayakkan
1.	Pengurus Pasukan	Perlu menghadiri kursus berkaitan dengan pertandingan dan juga Laws of the Game
2.	Ketua Jurulatih	1. Memilik Lesen Kejurulatihan bertaraf A 2. Berdaftar sebagai ahli di Persatuan jurulatih Bolasepak Brunei Darussalam (BDAFC)
3.	Penolong Jurulatih	1. Memiliki Lesen Kejurulatih bertaraf B 2. Berdaftar sebagai ahli di persatuan jurulatih Bolasepak Brunei Darussalam (BDAFC)
4.	Jurulatih Penjaga Gol	1. Kelulusan minimum Jurulatih Penjaga gol level 1 2. Berdaftar sebagai ahli di persatuan jurulatih Bolasepak Brunei Darussalam (BDAFC)

## 8. SENARAI PEMAIN

- 8.1. Setiap pemain warganegara yang mewakili mana-mana pasukan mesti bersedia dipanggil latihan oleh FABD dan bersedia mewakili Pasukan Kebangsaan Brunei Darussalam. Pasukan diwajibkan melepaskan pemain untuk tugas kebangsaan semasa FIFA International Windows (FIFA Days).
- 8.2. Mana-mana pemain yang enggan menyahut panggilan untuk menyarungi jersi kebangsaan tanpa memberikan sebarang alasan yang dapat diterima akan dibawa ke Ahli Jawatankuasa Tetap Perpindahan Pemain & Status Pemain dengan merujuk kepada FIFA Players' Status & Transfer Regulations.
- 8.3. Denda yang dikenakan kepada pemain berkenaan adalah berlandaskan undang-undang yang dinyatakan dalam per. 7.2.
- 8.4. Bilangan pemain yang mencukupi:-
  - 8.4.1. Setiap pasukan tidak boleh mempunyai kurang daripada Tujuh (7) pemain sebelum sepak mula dan mesti menjadi pengadil kepada Undang-undang Permainan IFAB 2021/2022

## 9. PIALA DAN HADIAH

- 9.1. Juara
  - 9.1.1. Piala iringan dan Piala Pusingan
  - 9.1.2. 40 pingat emas
  - 9.1.3. Wang Tunai BND 15,000.00
  
- 9.2. Naib Juara
  - 9.2.1. Piala iringan
  - 9.2.2. 40 pingat perak
  - 9.2.3. Wang Tunai BND 10,000.00
  
- 9.3. Tempat Ke-3
  - 9.3.1. Piala iringan
  - 9.3.2. 40 pingat gangsa
  - 9.3.3. Wang Tunai BND 7,000.00
  
- 9.4. Pemain terbaik
  
- 9.5. Penjaring terbanyak
  
- 9.6. Fair Play Award
  
- 9.7. Pemain muda Terbaik (Berumur 21 tahun ke bawah)
  
- 9.8. Jurulatih Terbaik
  
- 9.9. Pingat tambahan boleh dihasilkan atas permintaan dan dengan kos perbelanjaan ditanggung oleh pasukan.
  
- 9.10. Majlis penyampaian hadiah diurus, dikawal dan diselaraskan oleh FABD hendaklah diadakan sejurus selepas Perlawanan akhir kejohanan yang diputuskan sebaliknya oleh Jawatankuasa Tetap Pertandingan.

# PIALA REMAJA BAWAH 15 TAHUN DAN 20 TAHUN

## 1. PENTADBIRAN KEJOHANAN

- 1.1. Kejohanan berikut terdiri daripada 16 Kelab dibawah naungan FABD dan daripada Akademi yang berdaftar melalui Jabatan Teknikal & Perkembangan FABD.
- 1.2. Maksima penyertaan adalah sebanyak 20 pasukan dalam setiap kejohanan.
- 1.3. Criteria pemilihan pasukan yang mengikuti kejohanan adalah seperti berikut:
  - 1.3.1. Kelab-kelab yang berdaftar dibawah FABD
  - 1.3.2. Persatuan-persatuan Bola Sepak Daerah-Daerah
  - 1.3.3. Akademi-akademi
- 1.4. Mana-mana akademi yang ingin menyertai mana-mana kejohanan Liga Belia dinasihatkan untuk bergabung dengan kelab-kelab yang mengikuti Liga Super Brunei 2023 bagi mendapatkan perlesenan kelab.

## 2. FORMAT PERLAWANAN

- 2.1. Format perlawanan adalah seperti berikut-

2.1.1. 3 Mata akan diberikan untuk kemenangan

2.1.2. 1 mata untuk seri, dan

2.1.3. 0 mata untuk kalah

2.2. Penentuan kelab teratas atau pemenang iaitu setelah tamat semua perlawanan peringkat liga hendaklah mengikuti susunan carta seperti berikut:-

2.2.1. Kelab yang mendapat mata yang tertinggi, jika masih sama, ditentukan oleh;

2.2.2. Kelab yang mempunyai perbezaan gol terbanyak, jika masih sama, ditentukan oleh;

2.2.3. Kelab yang mempunyai perbezaan gol terbanyak, jika masih sama, ditentukan oleh;

2.2.4. Kelab yang mendapat jumlah mata yang terbanyak diantara kelab-kelab terlibat (Head to Head), jika masih sama, ditentukan oleh;

2.2.5. Kelab yang mempunyai perbezaan gol yang terbanyak diantara kelab-kelab jika masih sama, ditentukan oleh;

2.2.6. Kelab yang mempunyai jumlah jaringan gol yang terbanyak di antara kelab-kelab terlibat, jika masih sama, ditentukan oleh;

2.2.7. FABD tertakluk kepada kelulusan Ahli Jawatankuasa Pertandingan dimana keputusannya adalah MUKTAMAD.

### **3. MASA PERLAWANAN**

3.1. Waktu bermula perlawanan adalah seperti dicatat di dalam Jadual Pertandingan rasmi serta mematuhi Kira Detik Perlawanan (Official Countdown).

3.2. Masa perlawanan:

3.2.1. Bagi Piala Remaja Bawah 15 Tahun ialah 30 minit bagi separuh masa pertama dan 30 minit bagi separuh masa kedua. Rehat pada separuh masa hendaklah tidak melebihi 10 minit dari wisel ke wisel kecuali dengan izin pengadil.

3.2.2. Bagi Piala Remaja Bawah 20 Tahun ialah 45 minit bagi separuh masa pertama dan 45 minit bagi separuh masa kedua. Rehat pada separuh masa hendaklah tidak melebihi 15 minit dari wisel ke wisel.

### **4. PENGGANTIAN PEMAIN**

4.1. Penggantian pemain adalah sebanyak 7 orang didalam setiap perlawanan dengan 5 peluang penggantian sahaja.

4.2. Pemain yang telah diganti tidak boleh menyertai semula permainan termasuk untuk membuat sepakan dari tanda penalti.

### **5. WAKTU BERMULA PERLAWANAN**

5.1. Waktu bermula satu perlawanan adalah seperti yang tercatat di dalam jadual pertandingan rasmi dan hanya boleh dipinda dengan kelulusan FABD.

### **6. UNDANG-UNDANG AM**

6.1. Pendaftaran pegawai dan pemain adalah melalui sistem FIFA Connect

- 6.2. Setiap kelab perlu mengisikan borang pendaftaran pegawai dan pemain dengan disahkan oleh FABD.
- 6.3. Setiap kelab dibenarkan untuk mendaftar maksimum 30 pemain dan 10 orang pegawai.
- 6.4. Setiap pasukan hanya dibenarkan untuk mendaftar dua (2) orang pemain luar sahaja (Pemegang kad pengenalan hijau)
- 6.5. Setiap pasukan **DIMESTIKAN** mendaftarkan seramai tiga (3) orang penjaga gol
- 6.6. Pemain yang memakai kad pengenalan berwarna hijau adalah dikira pemain luar.
- 6.7. Nombor jersi adalah daripada No. 31 hingga 60 sahaja bagi Piala Remaja Bawah 20 tahun dan No.1 hingga 30 bagi Piala Remaja Bawah 15 tahun dibenarkan.
- 6.8. Akademi-akademi yang mengikuti Liga Remaja Bawah 15 tahun dibenarkan untuk menggunakan jersi nombor 1 hingga 30.
- 6.9. Kesemua pemain (bawah 18 tahun) perlu mempunyai borang kebenaran dan persetujuan ibubapa/penjaga yang dibawah kawalan Unit Perundangan FABD.
- 6.10. Cuma Pemain yang bermain di Piala Remaja Bawah 20 tahun sahaja dibenarkan untuk bermain di Liga Super Brunei 2023 dengan syarat pemain berkenaan perlu tidak tersenarai didalam minggu perlawanan di Piala remaja bawah 20 tahun.
- 6.11. Pemain bawah 15 tahun dibenarkan untuk bermain untuk Liga Remaja Bawah 20 tahun Cuma pemain berkenaan tidak boleh bermain pada minggu yang sama.
- 6.12. Kebenaran bagi perkara di atas adalah tertakluk kepada penilaian daripada Pengarah Teknikal FABD.
- 6.13. Setiap kelab (Liga Super Brunei 2023) yang ingin mendaftar pemain bawah umur perlu memberi notis kepada Jabatan Pertandingan tidak kurang daripada 7 hari sebelum perlawanan.

## 7. PENDAFTARAN PEGAWAI

- 7.1. Setiap kelab dibenarkan untuk mendaftar maksimum 10 orang pegawai sahaja dan seramai 7 orang dibenarkan duduk di bangku simpanan
- 7.2. Tiga (3) pegawai yang perlu didaftarkan adalah seperti berikut:-
  - 7.2.1. Pengurus Pasukan
  - 7.2.2. Ketua Jurulatih
  - 7.2.3. Pegawai Perubatan
- 7.3. Manakala selebihnya didaftarkan sebagai:-
  - 7.3.1. Penolong Jurulatih
  - 7.3.2. Jurulatih penjaga Gol
  - 7.3.3. Jurulatih kecergasan
  - 7.3.4. Doktor
  - 7.3.5. Ahli fisioterapi
  - 7.3.6. Jurubahasa
  - 7.3.7. Analisis Video
  - 7.3.8. Pengarah teknikal
  - 7.3.9. Pengurus Peralatan
- 7.4. Bagi mana-mana pasukan yang mengambil bahagian yang gagal memenuhi mana-mana kriteria yang telah ditetapkan akan diberi surat amaran dan jika gagal berbuat demikian, tindakan tatatertib akan diambil.
- 7.5. Mana-mana pegawai pasukan yang diarahkan meninggalkan bangku simpanan oleh Pengadil semasa perlawanan tidak dibenarkan berada di bangku simpanan untuk perlawanan dan akan dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib FABD untuk tindakan selanjutnya.
- 7.6. FABD tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang insiden atau kecederaan pemain termasuk pegawai semasa kejohanan.
- 7.7. Pegawai dan pemain hendaklah bertanggungjawab ke atas barang-barang sendiri dan kebersihan perkarangan sebelum, semasa dan selepas perlawanan diadakan. Jika mana-mana pasukan didapati merosakkan harta benda, mereka akan membayar balik kerosakan yang berlaku dan kes akan dibawa ke Jawatankuasa Tatatertib dan Etika untuk tindakan selanjutnya.



- 7.8. Pasukan rasmi mesti memakai pakaian yang sesuai dan kasut mesti dipakai.
- 7.9. Jika mana-mana pegawai gagal mematuhi peraturan ini, mereka akan diarahkan meninggalkan bangku pengganti.

## 8. KELAYAKAN PEGAWAI

Bil	Jawatan	kelayakan
1.	Pengurus Pasukan	Perlu menghadiri kursus berkaitan dengan pertandingan dan juga Laws of the Game
2.	Ketua Jurulatih	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memilik Lesen Kejurulatihan bertaraf B</li> <li>Berdaftar sebagai ahli di Persatuan jurulatih Bolasepak Brunei Darussalam (BDAFC)</li> </ul>
3.	Penolong Jurulatih	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memiliki Lesen Kejurulatih bertaraf C</li> <li>Berdaftar sebagai ahli di persatuan jurulatih Bolasepak Brunei Darussalam (BDAFC)</li> </ul>
4.	Jurulatih Penjaga Gol	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kelulusan minimum Jurulatih bertaraf C</li> <li>Berdaftar sebagai ahli di persatuan jurulatih Bolasepak Brunei Darussalam (BDAFC)</li> </ul>

## 9. SENARAI PEMAIN

- 9.1. Setiap pemain warganegara yang mewakili mana-mana pasukan mesti bersedia dipanggil latihan oleh FABD dan bersedia mewakili Pasukan Kebangsaan Brunei Darussalam. Pasukan diwajibkan melepaskan pemain untuk tugas kebangsaan semasa FIFA International Windows (FIFA Days).
- 9.2. Bilangan pemain yang mencukupi:-
- 9.2.1. Setiap pasukan tidak boleh mempunyai kurang daripada Tujuh (7) pemain sebelum sepak mula dan mesti menjadi pengadil kepada Undang-undang Permainan IFAB LOTG 2021/2022.

## **10. PIALA DAN HADIAH**

### 10.1. Juara

10.1.1. Piala iringan dan Piala Pusingan

10.1.2. 40 pingat emas

### 10.2. Naib Juara

10.2.1. Piala iringan

10.2.2. 40 pingat perak

### 10.3. Pemain terbaik

### 10.4. Penjaring terbanyak

### 10.5. Fair Play Award

### 10.6. Coach of the Year Award

10.7. Pingat tambahan boleh dihasilkan atas permintaan dan dengan kos ditanggung oleh pasukan.

10.8. Majlis penyampaian hadiah diurus, dikawal dan diselaraskan oleh FABD hendaklah diadakan sejurus selepas Perlawanan akhir kejohanan yang diputuskan sebaliknya oleh Jawatankuasa Tetap Pertandingan.

## JADUAL PERTANDINGAN

1. Jadual pertandingan yang mengandungi Tarikh, bilangan perlawanan, pasukan yang bermain, masa serta padang perlawanan akan diedarkan kepada semua pasukan yang mengambil bahagian sebelum pertandingan bermula.
2. Kelab yang ingin membuat pindaan jadual pertandingan hendaklah memohon kepada FABD dengan mematuhi syarat-syarat berikut:-
  - 2.1. Permohonan bersurat mesti dibuat sekurang-kurangnya 14 hari sebelum Tarikh perlawanan dijadualkan.
  - 2.2. Jia permohonan kurang daripada 14 hari dari sebab-sebab permohonan diterima oleh FABD maka kelab yang memohon hendaklah membayar denda sebanyak BND 300.00 sebagai ganti rugi pengurusan kelab kepada kelab lawan dan BND 200.00 kepada pihak FABD denda bagi notis tidak cukup tempoh.
  - 2.3. FABD berhak untuk membuat keputusan ke atas permohonan pindaan Jadual Pertandingan tersebut dan mempunyai kuasa menetapkan apa-apa syarat yang difikirkan perlu dan patut yang mana keputusan tersebut adalah **MUKTAMAD**.
3. Jika FABD membuat pindaan jadual atas sebab-sebab kepentingan pasukan kebangsaan atau sebab-sebab yang difikirkan perlu, pasukan-pasukan yang terlibat hendaklah mematuhi pindaan jadual pertandingan tersebut dengan syarat memaklumkan pindaan tersebut tidak lewat daripada 3 hari sebelum Tarikh perlawanan

## PENGADIL

1. Semua pengadil termasuk Pengadil, Penolong Pengadil 1 & 2, Pengadil Rasmi Ke-4 dan Penilai Pengadil akan didaftarkan dan dilantik oleh FABD.
2. Jika pengadil tidak dapat menjalankan tugas, maka secara automatik, Penolong pengadil 1 akan mengambil alih tugas sebagai pengadil, pengadil 2 akan mengambil alih tugas sebagai penolong pengadil 1 manakala pegawai ke-4 akan mengambil tugas penolong pengadil 2.
3. Sebarang tanggungjawab pengurusan pegawai perlawanan iaitu penilai pengadil, pengadil, penolong-penolong pengadil serta pegawai ke-4 adalah tertakluk kepada Jabatan Pengadilan FABD.

## **JERSI PEMAIN**

1. Setiap pasukan hendaklah menyatakan warna jersi pertama dan kedua (kedua-dua warna hendaklah sentiasa berbeza) dan digunakan semasa kejohanan. Untuk memastikan kedua-dua pasukan tidak memakai warna yang sama, komisioner Perlawanan dan Penolong Pengadil Ke-4 perlu menyemak sebelum perlawanan bermula.
2. Setiap pasukan dinasihatkan membawa dua set jersi untuk setiap perlawanan. Sekiranya pengadil menyedari bahawa kedua-dua pasukan memakai warna yang sama, pasukan yang disenaraikan sebagai pasukan Away hendaklah menukar jersi pasukan mereka.
3. Penjaga gol bagi kedua-dua pasukan hendaklah memakai jersi warna berbeza daripada pasukan sendiri atau pasukan lawan. Nombor Penjaga Gol mestilah sama seperti yang didaftarkan sebelum ini.
4. Pemain berdaftar mesti mempunyai nombor pada jersi mereka (depan dan belakang) dan seluar. Nombor mestilah berbeza warna dan jelas dengan saiz ketinggian 25cm di bahagian belakang dan ketinggian 10cm di bahagian hadapan sebelah kanan bawah seluar. Sekiranya nombor pemain berbeza daripada nombor yang telah didaftarkan, tindakan akan diambil kira.
5. Logo pasukan dibenarkan pada jersi pemain. Sekiranya pasukan itu ditaja oleh syarikat, logo syarikat mesti dipaparkan pada jersi juga. Setiap pasukan yang mengambil bahagian mesti meletakkan penaja utama mereka.
6. Jika baju lapis panjang dipakai, ia mestilah sama warna dengan lengan jersi. Jika seluar panjang ketat dipakai, ia mestilah sama warna dengan keseluruhan seluar atau bahagian bawah seluar.
7. Jersi hendaklah mengikut jenis fabrik yang dibenarkan.
8. Pegawai di bangku simpanan mesti memakai pakaian warna yang berbeza dari kedua-dua jersi pasukan dan pakaian seragam pengadil.
9. Pemain simpanan mesti sentiasa memakai bib.

## **PAS BADAN**

1. Setiap Pegawai dan Pemain mesti menggunakan Pas badan yang disediakan oleh FABD.
2. Jika individu gagal menggunakan Pas badan semasa Hari Perlawanan, Pegawai/Pemain akan dihadkan untuk didaftarkan sebelum perlawanan atau berada di bangku simpanan dan bilik persalinan pemain. Denda sebanyak BND 50.00 akan dikenakan kepada individu yang gagal memakai Pas badan semasa kejohanan.
3. Sebarang kehilangan pas badan, pasukan akan didenda untuk yuran pembaharuan Pas badan sebanyak BND 50.00

## **“BALLBOY DAN “STRETCHERS”**

1. Setiap kelab perlu menyediakan Ballboy seramai minima 6 orang dan stretcher seramai minima 4 orang.
2. Mana-mana kelab yang tidak memenuhi piawaian berkenaan akan dibawa kepada Jawatankuasa Tatatertib dan Etika untuk Tindakan selanjutnya.
3. Kriteria ballboy adalah seperti berikut:
  - a. Minima berumur 13 tahun ke atas
  - b. Menggunakan pakaian yang bersesuaian dan seragam
  - c. Ballboy dibenarkan untuk menggunakan bib yang tidak sama dengan warna jeri kedua-dua pemain di atas padang.
4. Pegawai Kelab adalah bertanggungjawab bagi memastikan ballboy dan stretcher diberikan Latihan yang secukupnya bagi mehir dalam tugas semasa perlawanan.

## **PENGGANTUNGAN**

1. Pemain yang mengambil bahagian yang telah mengumpul satu (1) kad merah dalam satu perlawanan hendaklah mengikut Penilaian Jawatankuasa Perundangan FABD terlebih dahulu sebelum diserahkan kepada Jawatankuasa Tatatertib dan Etika untuk tindakan selanjutnya. Jawatankuasa Perundangan FABD berhak mengenakan denda berupa kewangan tertakluk kepada keberatan kad merah yang dilayangkan dengan dengan sebanyak minima BND50.00.
2. Pemain yang mengambil bahagian dalam sebuah kejohanan dan menerima 3 (tiga) amaran kad kuning dalam perlawanan berasingan (kad kuning berkumpul) akan digantung secara automatik untuk satu (1) perlawanan. Penggantungan akan berlangsung dalam perlawanan selepas pemain berkenaan menerima kad kuning berkumpul ke 3.

3. Pemain yang gagal atau tidak dapat membayar denda, Pemain berkenaan tidak dibenarkan bermain sehingga denda telah dijelaskan sepenuhnya.
4. Pasukan dan Pemain Penyertaan hendaklah bertanggungjawab memantau rekod kad kuning dan merah yang dikumpul oleh Pemain masing-masing dalam setiap kejohanan.
5. Amaran kad kuning dan kad Merah hendaklah dikumpul pada musim pertandingan seterusnya atau ke mana-mana pertandingan lain yang dianjurkan oleh FABD.

## **BANTAHAN**

1. Semua bantahan hendaklah ditulis tangan kepada FABD tidak melebihi 24 jam selepas perlawanan tamat disertai wang cagaran sebanyak BND 500.00. Wang cagaran akan dikembalikan sekiranya bantahan mereka berjaya.
2. Bantahan tidak boleh dibuat berhubung dengan "Point of Fact" perlawanan yang telah dibuat oleh Pengadil semasa Perlawanan. Keputusan yang diberikan oleh Pengadil adalah **MUKTAMAD**.

## **JENDELA PERPINDAHAN PEMAIN**

1. Jendela perpindahan Pemain bermula seperti berikut:

Musim Pertama	7 Disember sehingga 28 Februari 2023
Musim Pertengahan	14 April sehingga 24 Mei 2023

2. Pemain yang berpindah kelab baru perlu menghantar borang perpindahan pemain
3. Jika pemain masih didalam kontrak, kelab perlu menghantar borang pemindahan pemain beserta wang tunai sebanyak BND 100.00 bagi pembayaran pendaftaran ke FABD beserta pernyataan persetujuan perpindahan antara kelab-kelab.
4. Proses Pemindahan akan mengambil masa sekurang-kurangnya satu (1) minggu selepas permohonan diterima. Pemain yang mengambil bahagian akan layak untuk bermain selepas proses diselesaikan sepenuhnya.
- 5.

## **PERLAWANAN DIBATALKAN**

1. Jika Pasukan Penyertaan hanya boleh menurunkan kurang daripada Tujuh (7) pemain, Perlawanan hendaklah dibatalkan maka Perkara 2 akan digunakan.
2. Jika Perlawanan dihentikan oleh pengadil sebelum tamat masa permainan biasa kerana pasukan yang terlibat hanya dapat menurunkan kurang daripada tujuh (7) Pemain yang mengambil bahagian, Perlawanan akan dibatalkan dan Kelab yang dapat menurunkan lebih daripada tujuh (7) Pemain yang mengambil bahagian hendaklah diisytiharkan sebagai pemenang dengan skor 3-0 atau markah pada masa pengabaian atau yang mana lebih tinggi.
3. Jika perlawanan tidak dapat berlangsung atau tidak dapat dimainkan sepenuhnya atas sebab-sebab selain force majeure, tetapi disebabkan oleh tingkah laku pasukan atau tingkah laku yang mana kelab bertanggungjawab, kelab akan dikenakan denda minimum BND 2000.00 mengikut Jawatankuasa Tatatertib & Etika FABD.
4. Perlawanan tidak boleh dibatalkan tanpa sebarang sebab yang sah yang diluluskan oleh FABD
5. FABD berhak untuk menukar atau menangguhkan sebarang perlawanan dan kelab yang terlibat akan dimaklumkan melalui e-mel dan diikuti dengan surat rasmi.
6. Pegawai Kelab tidak akan mempunyai hak untuk memutuskan pembatalan perlawanan

## **PERLAWANAN TERTUNDA**

Pemberhentian tambahan selama tiga puluh (30) minit akan berlaku jika atas keputusan pengadil pemberhentian kedua ini boleh membenarkan Perlawanan disambung semula.

7. Atau Perlawanan ditunda atas keputusan Pengadil
8. Perlawanan yang ditunda hendaklah dijadualkan semula dan dilengkapkan prinsip-prinsip berikut hendaklah digunakan:
  - 6.1. Perlawanan hendaklah dimulakan semula dengan skor yang sama pada minit di mana permainan terganggu dan bukannya dimainkan semula sepenuhnya.
  - 6.2. Perlawanan akan dimulakan semula dengan pemain yang mengambil bahagian yang sama di padang permainan dan pemain gantian yang sama pada masa ia pada mulanya ditinggalkan.

- 6.3. Tiada penggantian tambahan boleh ditambah pada Senarai Pemilihan Pemain atau Senarai Mula Perlawanan yang mengambil bahagian hanya boleh membuat bilangan penggantian yang mereka masih berhak yang Perlawanan telah tertunda.
  - 6.4. Mana-mana Pemain yang dibuang padang semasa Perlawanan yang ditinggalkan tidak boleh diganti.
  - 6.5. Sebarang sekatan yang dikenakan sebelum perlawanan dibatalkan kekal sah untuk baki Perlawanan yang dijadualkan semula.
9. Masa sepak mula, tarikh dan Tempat Perlawanan yang dijadualkan semula akan ditentukan oleh FABD
  10. Sebarang perkara lain yang tidak dinyatakan di atas akan diputuskan oleh FABD.

## **GANGGUAN PERLAWANAN**

1. Jika perlawanan diberhentikan sebelum tamat masa permainan biasa (disebabkan cuaca buruk), cadangan berikut perlu dipertimbangkan tertakluk kepada sifat kejadian. Perlawanan akan dimulakan semula pada minit yang sama apabila ia digantung:
  - 1.1. Digantung selama 15 minit:
    - 1.1.1. Pasukan yang Mengambil bahagian hendaklah kekal di Padang Permainan tertakluk kepada jenis penggantungan
  - 1.2. Penggantungan selama 15 – 30 minit:
    - 1.2.1. Pasukan yang mengambil bahagian hendaklah pergi ke bilik persalinan pasukan. Mereka harus dibenarkan mempunyai sepuluh (10) minit untuk memanaskan badan sebelum perlawanan dimulakan semula. Notis sepuluh (10) minit hendaklah diberikan kepada semua pihak yang melibatkan pasukan Penyertaan, Pegawai Perlawanan, penonton, dan Media).
  - 1.3. Penggantungan selama lebih daripada 30 minit:
    - 1.3.1. Perlawanan mungkin dianggap wajar untuk ditinggalkan, tertakluk kepada keputusan pengadil. Selepas keputusan muktamad dibuat,



Penyelaras Am Tempatan dan Pesuruhjaya Perlawanan hendaklah memaklumkan Pasukan Yang Mengambil bahagian sebelum mana-mana pihak lain.

## 1. Peraturan Tempatan

- 1.1. Untuk sebarang pembatalan perlawanan oleh pengadil yang disebabkan oleh mana-mana situasi ini, hujan lebat, cuaca buruk dan perkara lain yang menyebabkan pembatalan perlawanan, perlawanan melebihi minit ke-75 akan dimuktamadkan secara automatik sebagai perlawanan yang lengkap.
- 1.2. Jika perlawanan dihentikan sebelum minit ke-75, perlawanan akan dimainkan seperti berikut:
  - 1.2.1. Skor yang sama
  - 1.2.2. Pemain dan pegawai yang sama didaftarkan
  - 1.2.3. Masa yang tinggal
  - 1.2.4. Kad kuning & kad merah kekal

## **KEPUTUSAN DAN PINDAAN**

1. FABD akan mengeluarkan sebarang arahan yang diperlukan oleh keadaan khas yang mungkin timbul dalam penganjuran perlawanan.
2. Semua keputusan yang dibuat menurut Peraturan ini, kecuali jika dinyatakan sebaliknya, adalah muktamad
3. FABD berhak untuk membuat pindaan kepada mana-mana bahagian peraturan ini atas apa jua sebab sekalipun. Pindaan tersebut hendaklah dimaklumkan dengan sewajarnya dalam masa yang sepatutnya.
4. FABD adalah satu-satunya badan yang mampu mengisytiharkan 'Force Majeure'